



JUARA...Dr Ismail (kiri) dan Dr Geoffrey yang memegang piala meraikan kejayaan bersama atlet 1KAL muncul juara keseluruhan Sukan Staf UMS Ke-14 2014 di Kota Kinabalu

UMSKAL ungguli Sukan Staf UMS ke-14

OLEH JAINUDIN DJIMIN **NST 22.2.2014 23**
jainudin@newsabahtimes.com.my

LABUAN: Kontingen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) muncul juara keseluruhan Kejohanan Sukan Staf UMS Kali ke-14, 2014 yang berlangsung di Kota Kinabalu hujung minggu lalu.

Kontingen itu yang diketuai Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali itu meraih sembilan pingat emas, lima perak dan tiga gangsa untuk mempertahankan kejuaraan yang mereka miliki tahun lalu.

Empat pingat emas diperolehi melalui acara kayak, dart, bola tampar wanita dan badminton dimenangi kontingen UMS-KAL.

Manakala lima lagi pingat emas dimenangi melalui acara

bola tampar lelaki, bola tampar pantai lelaki dan wanita, ping pong dan tarik tali.

Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said menyampaikan hadiah juara keseluruhan kepada Dr Ismail pada majlis penutupan Kejohanan Sukan Staf UMS di Kota Kinabalu, Ahad lalu.

Turut hadir Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah.

Lima pingat perak diraih dalam acara bola sepak pantai lelaki dan wanita, sepak takraw veteran, futsal lelaki veteran dan bola jaring.

Manakala pingat gangsa diperolehi dalam acara futsal wanita, tenpin boling wanita dan hoki 7 sebelah.

Naib johan disandang D'Six (UMS) yang memenangi enam pingat emas, empat perak dan dua gangsa dan ketiga Twin Tower (4-5-4).

Tempat keempat Hercules (UMS) dengan (4-4-3), kelima D'Arts (4-3-6), keenam Royal Esteem (3-2-4), ketujuh Science United (0-4-6) dan kelapan (0-2-2).

Sementara itu, Dr Ismail mengucapkan tahniah kepada semua atlet UMS-KAL yang berjaya mengekalkan kejuaraan Sukan Staf UMS 2014.

Katanya, komitmen, kesungguhan dan disiplin yang tinggi adalah antara ramuan utama yang membolehkan kontingen 1KAL muncul juara keseluruhan Sukan Staf UMS Ke-14 2014.

“Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua atlet 1KAL yang berjaya mengekalkan kejuaraan Sukan Staf UMS 2014. Sesungguhnya kejayaan itu adalah hasil kerja keras semua atlet, jurulatih dan pengurus pasukan,” katanya.